

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

7. Nyatakan langkah-langkah penguatkuasaan Kerajaan Negeri yang telah diambil sejak 2018 untuk memastikan semua syarat-syarat kerajaan penternakan udang dilaksanakan oleh pengusaha.
 - (a) Apakah hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Setakat hari ini, Kerajaan Negeri khususnya Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai punca kuasa bagi mengawal aktiviti ternakan akuakultur di daratan memandangkan aktiviti ternakan mereka hanya didaftarkan secara pentadbiran dan tidak dilesenkan. Jabatan Perikanan sedang dalam peringkat penyediaan deraf Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) untuk dikuatkuasakan di negeri ini. Selepas penguatkuasaan kaedah-kaedah ini, semua aktiviti akuakultur di daratan akan dilesenkan dan diwajibkan untuk mematuhi kriteria dan garis panduan ternakan yang ditetapkan.